

## **KUMPULAN KERJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: KONSEP DAN SENARIONYA**

Oleh:

Razali b. Mat Zin<sup>1</sup>

Ahmad Mujahideen b. Haji Yusoff<sup>2</sup>

Adnin Nadwa bt. Che Razali<sup>3</sup>

### **Abstrak**

*Dalam menjalankan proses sesebuah pekerjaan memerlukan sebuah kumpulan kerja yang efektif dan efisen serta mempunyai konsepnya yang sofistikated untuk mencapai kemajuan dan keberkesanannya pada masa hadapan. Namun begitu, setiap konsep kumpulan kerja adalah berbeza dan mempunyai senarionya yang pelbagai dalam usaha mencapai matlamat dan sasaranannya. Oleh itu, objektif artikel ini ialah menjelaskan konsep kumpulan kerja yang seharusnya dimiliki dalam sebuah kumpulan kerja menurut perspektif Islam. Selain itu, artikel ini juga menerangkan secara ringkas tentang senario yang berlaku dalam kumpulan kerja. Artikel ini merupakan sebuah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisaan data. Hasil dapatan dari artikel ini ialah dapat mengetahui tentang konsep kumpulan kerja menurut perspektif Islam yang perlu wujud bagi mencapai matlamat dan sasarananya yang sebenar dalam sebuah kumpulan kerja sebagaimana yang dituntut oleh Islam dan mengembalikan senario kerja yang mengikut fitrah insaniah seperti mana yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T bagi menjamin kenikmatan dan kesejahteraan hidup dalam kumpulan kerja.*

**Kata Kunci:** *Kumpulan Kerja, Perspektif Islam, Konsep, Senario*

---

<sup>1</sup> Razali b. Mat Zin (Ph.D), Pensyarah Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Universiti Raja Fahd, Dhahran, Arab Saudi.

<sup>2</sup> Ahmad Mujahideen b. Haji Yusoff (Ph.D), Pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>3</sup> Adnin Nadwa bt. Che Razali, Guru Agama dan Bahasa Arab Sekolah Rendah Agama Tengku Amalin A'isyah Putri, Kota Bharu, Kelantan.

## PENDAHULUAN

Manusia yang materialistik sifatnya pada hari ini sama ada yang diilhamkan oleh “ism” begitu megah mengagungkan sistem-sistem ciptaan manusia, terutamanya yang datang dari Barat. Mereka mula berpegang kepada pengertian hidup yang samar dan tidak menyeluruh. Manusia tidak mempunyai pemahaman yang konkrit mengenai hakikat kejadian mereka sebagai insan ciptaan Allah S.W.T dalam sifat murni semulajadinya yang disebut fitrah insaniah. Tidak hairanlah manusia pada hari ini sedang menghadapi suatu krisis moral yang dahsyat dan membawa kepada penipisan nilai murni insan (*dehumanizing*) itu sendiri yang mengakibatkan mutu kerja yang dilakukan tidak mendatangkan hasil yang diinginkan kerana tiada kefahaman yang mantap tentang fitrah insaniah dalam sebuah kumpulan kerja bagi pelaksanaan sesuatu kerja yang diamanahkan. YAB Perdana Menteri Malaysia pernah berkata:

*“Cara kita tadbir dahulu lain dengan sekarang. Dari segi sistem, perlu pendekkan prosedur. Kita mesti berusaha ke arah itu agar hasil kerja dapat diperolehi dengan cepat. Bukan sahaja cepat, tetapi juga tepat dan menepati tujuan. Tapi ini bergantung kepada faktor manusia. Sebab itu, perlu diperbaiki, perlu ditambah (sikap) tanggungjawab, boleh dipercayai, komited, tidak membuang masa, bersemangat hendak menjayakan sesuatu yang diamanahkan dan bukan bekerja sambil lewa”.*<sup>4</sup>

Oleh itu, setiap individu dalam sebuah kumpulan kerja perlu memahami dengan sebaiknya tentang hakikat fitrah insaniah. Hal ini telah dinyatakan melalui firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰٓيِّنِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللّٰٓهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللّٰٓهِ ذَلِكَ الدِّيْنُ الْقِيمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ﴾

(Al-Rūm 30: 30)

*“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada*

<sup>4</sup> BERNAMA (2006). 23 November.

*sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.*

Semakin hari semakin nyata ajaran dan petunjuk Allah S.W.T yang disampaikan melalui Rasulullah S.A.W tidak didaulatkan. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan semakin ramai manusia yang mencemuh, mempersoalkan dan memandang rendah terhadap kebenaran dan kesuciannya. Bertolak dari titik ini, banyak prinsip dan sistem pengurusan hidup yang menjadi pegangan manusia bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.<sup>5</sup> Seorang tokoh pengurusan dari Amerika Syarikat yang terkenal, L.F. Urwick pernah menyarankan:

*“Rakyat Amerika keseluruhan enggan menghalang dan menyekat seseorang dari terus maju ke hadapan walau bagaimana songsang dan tidak beretika nilai dan kaedah yang digunakan”.*<sup>6</sup>

Saranan ini adalah lanjutan daripada falsafah Nicolo Machiavelli yang terkenal, “matlamat menghalalkan cara” (*the ends justify the means*), disokong oleh tokoh-tokoh pengurusan lain seperti James L. Gibson dan Anthony Dawns.<sup>7</sup> Pemikiran dangkal yang bersifat hedonistik ini menjadi tonggak atau asas utama dalam pemikiran dan konsep pengurusan moden yang dilaungkan oleh Barat. Pemikiran ini bukan sahaja menjadi resepi ahli-ahli pengurusan kumpulan kerja di Barat, tetapi telah meresapi ke seluruh pelosok dunia. Ia telah menjadi penganutan yang bersifat universal. Kesan dari penganutan pemikiran tersebut dan direalisasikan pula dalam bentuk amalan, maka lahirlah satu corak pembudayaan dalam masyarakat manusia hari ini yang dikenali sebagai “*the sensate culture*”(kebudayaan hawa nafsu).<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Mustafa Hj. Daud (1994), *Pengurusan Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 23.

<sup>6</sup> Mohd. Afandi Hassan (2006), “Falsafah, Prinsip dan Amalan Pengurusan Masa Kini: Ke Arah Mencari Model Alternatif”, *Jurnal Intan (Pembangunan dan Pentadbiran)*, bil. X, Ogos 2006, h. 63-87.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 63-87.

<sup>8</sup> A. Sorokin Pitirim (2004), *The Basic Trends of Our Times*, New Haven: College and University Press, h. 64.

## KONSEP KUMPULAN KERJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Menjadi kesalahan sekiranya berpegang kepada hakikat bahawa pekerjaan merupakan beban yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Namun begitu, hal ini bercanggah dengan realiti. Terdapat bukti yang jelas bahawa manusia perlukan pekerjaan. Pekerjaan merupakan salah satu dari aktiviti manusia yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Sejak dari zaman Nabi Adam a.s hingga ke zaman kini, manusia menjadikan pekerjaan sebagai sebahagian besar daripada pusingan hidup mereka. Sesungguhnya arena pekerjaan menjadi gelanggang tempat manusia berjuang dan bersaing sebagai satu proses memajukan diri dan menyambung usia hidupnya.<sup>9</sup>

Dari gambaran di atas, perkataan “kerja” menggambarkan kepada kita sesuatu usaha yang mesti dilakukan oleh seseorang untuk menyara hidupnya. Dalam perkataan lain, pemahaman kita terhadap konsep kerja hanyalah berkisar kepada aspek ekonomi semata-mata. Ia merupakan suatu proses bagaimana manusia memuaskan keperluan lahiriahnya yang dikenali sebagai “*human needs*” dalam istilah moden. Konsep pengurusan juga menekankan bahawa ukuran atau nilai yang diberikan terhadap kerja adalah nilai kegunaan “*instrumental value*” iaitu menentukan baik buruk, berguna ataupun tidak sesuatu pekerjaan itu bergantung pada sejauh mana “*human needs*” dapat dipenuhi. Lanjutan dari pemahaman ini, ramai ahli perancang, teknorat, ahli-ahli pengurusan dan masyarakat biasa mempercayai bahawa pembangunan dan kesejahteraan hidup manusia akan tercapai sekiranya disediakan peluang-peluang pekerjaan dan mempunyai kesungguhan dalam bekerja. Pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat akan berhasil apabila individu dapat meningkatkan pendapatan atau taraf kedudukan ekonominya.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa pengertian kesejahteraan dan pembangunan manusia mesti dihubungkan dengan pengertian kemanusiaan keseluruhannya. Sekiranya diterima ukuran pembangunan manusia berdasarkan banyaknya industri, kilang-kilang atau bilangan bangunan pencakar langit, maka ia tidaklah berbeza dari pengertian pembangunan pada zaman Firaun. Kezaliman berleluasa dalam sistem pemerintahan Firaun tetapi pembangunan fizikalnya hebat. Antara pencapaian pembangunan yang dimegahkan ialah pembinaan piramid-piramid yang terkenal dan sukar ditandingi oleh manusia hingga hari ini.

---

<sup>9</sup> Razali Mat Zin (2006), *Motivasi Terhadap Pekerja Bawahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 46.

Agama dan sejarah telah menjatuhkan hukuman berat terhadap Firaun.<sup>10</sup> Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آَلَ فِرْعَوْنَ وَآتَنَا مِنْ نَّظَرِنَ ﴾

(Al-Baqarah 2: 50)

“Dan (kenangkanlah) ketika Kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya”.

Islam sebagai agama fitrah yang sempurna dan merupakan satu cara hidup yang menyeluruh. Kesempurnaan ini telah ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿ إِلَيْهِ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ﴾

(Al-Māidah 5: 3)

“Hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

Dalam Islam, “kerja” membawa pengertian yang lebih luas dari aspek ekonomi semata-mata. Matlamat sesuatu pekerjaan mengikut falsafah Islam tidak mengutamakan keseronokan, kesenangan dan keselesaan yang dapat memenuhi segala keinginan hawa nafsu yang tidak terbatas itu. Akan tetapi yang ditekankan ialah sesuatu pekerjaan itu dapat membawa manusia memenuhi tuntutan Allah S.W.T ke atas dirinya sebagai hamba.<sup>11</sup> Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

<sup>10</sup> \_\_\_\_\_ (2002), “Prinsip-prinsip Islam Sebagai Dasar Pembinaan Peradaban dalam Organisasi Kerja”, *Prosiding Kursus Ekonomi Islam: Asas, Falsafah dan Aplikasi, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam: Universiti Utara Malaysia*, Jun 2002, h. 23-47.

<sup>11</sup> Noraini Ahmad (2004), *Budaya Kerja Cemerlang*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 56.

﴿ هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَلْكُوا مِنْ

رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴾

(Al-Mulk 67: 15)

“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)”.

Firman Allah S.W.T yang lain:

﴿ وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ

فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴾

(Al-Qaṣāṣ 28: 73)

“Dan di antara rahmat pemberianNya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur”.

Ini bermakna pekerjaan boleh menerima status ibadat kalau dilaksanakan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam. Dalam Islam tiada pemisahan di antara aktiviti yang berbentuk ekonomi dengan aktiviti yang berbentuk kerohanian atau keagamaan. Kedua-dua aspek di atas diperlukan oleh manusia untuk menjalani kehidupan yang sempurna di dunia dan di akhirat. Doktrin tauhid yang dianuti oleh umat Islam dalam membentuk kesepaduan hidup dengan tidak mencerai-beraikan kehidupan sehari-hari kepada aktiviti-aktiviti yang mempunyai matlamat akhir yang bercanggah antara satu sama lain.<sup>12</sup>

Mengikut perspektif ini, setiap kerja yang dilakukan oleh manusia termasuk apa yang lazimnya dianggap sebagai kegiatan keduniaan seperti berniaga di pasar atau bekerja di pejabat mempunyai warna, identiti, matlamat dan roh keagamaan yang suci sekiranya dijalankan mengikut

<sup>12</sup> Wan Izuddin Wan Sulaiman (2007), *Falsafah dan Etika Kerja Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 58.

lunas-lunas syariah. Dalam falsafah Islam tidak wujud dikotomi dunia dan akhirat lantaran semuanya adalah penting untuk kebahagiaan insan dari sudut rohani dan jasmani. Kedua-dua alam tersebut mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan tidak dipisahkan. Islam mengingatkan manusia supaya mewujudkan keseimbangan dalam kehidupan mereka. Al-Quran sentiasa mengingatkan manusia tentang alam akhirat yang bakal ditempuhi dan hakikat bahawa dunia ini adalah cuma ladang untuk bercucuk tanam dan hasilnya dikutip sepenuhnya di akhirat nanti. Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿ وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا وَإِنَّا فِي الْذِيْلِيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا ﴾

عَذَابُ النَّارِ

(Al-Baqarah 2: 201)

*“Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah Kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah Kami dari azab neraka”.*

Pekerjaan harus dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dengan menggunakan segala daya mental dan fizikal yang diberikan oleh Allah S.W.T, tetapi jangan sesekali sampai mengorbankan amal ibadat terutamanya solat fardu yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.<sup>13</sup> Dalam hal ini, Allah S.W.T berfirman dalam al-Quran:

**رَجُالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَرَّةٌ وَلَا يَبْيَعُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ**

اللَّهُ كَوَافِرُ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ

(Al-Nūr 24: 37)

“(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan”.

<sup>13</sup> Razali Mat Zin (2002), “Prinsip-prinsip Islam Sebagai Dasar Pembinaan Peradaban dalam Organisasi Kerja”, *Prosiding Kursus Ekonomi Islam: Asas, Falsafah dan Aplikasi, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam: Universiti Utara Malaysia*, Jun 2002, h. 23-47.

Islam juga melarang pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk pekerjaan itu atau mengumpulkan harta kekayaan sebanyak-banyaknya tanpa mengambil kira tuntutan-tuntutan keagamaan ke atas harta yang dikumpulkan. Dalam hubungan ini, di antara matlamat pekerjaan ialah agar tertunainya tuntutan zakat yang menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi umat Islam dan sebagai amalan *mujāhadah* atau berkorban. Jelaslah kepada kita bahawa Islam mahukan kesepaduan atau integrasi di antara kerja dan ibadat, dunia dan akhirat, jasmani dan rohani.<sup>14</sup> Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿ وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ أَلْدَارَ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ﴾  
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا  
يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴾

(Al-Qaṣaṣ 28: 77)

*“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.*

Islam telah menekankan bahawa pengendalian sesuatu kerja sama ada kecil atau besar, berat atau ringan mestilah meletakkan Allah S.W.T sebagai asas kesempurnaan. Oleh itu, hakikat kerja dalam Islam adalah bermula dengan memenuhi kehendak agama kerana pekerjaan dianggap sebahagian daripada ibadah. Oleh sebab itu, walaupun Islam menyuruh manusia agar tekun dalam melakukan sesuatu pekerjaan, namun ia seharusnya sesuai dan selari dengan ajaran agama dengan menekankan sifat kejujuran, nilai keikhlasan dan disiplin yang tinggi. Ini kerana sasaran hidup seorang muslim ialah mendapat keredhaan Allah S.W.T.<sup>15</sup> Ini adalah berdasarkan kepada kehendak semulajadi kejadian insan itu

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 23-47.

<sup>15</sup> Ahmad Nawawi Yaakob (2000), *Penghayatan Komunikasi Islam dalam Pengurusan Kalangan Pengetua dan Komitmen Guru: Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, h. 98.

sendiri sepetimana yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿وَمَا حَلَقْتُ أَلْجِنَّ وَالْإِنَسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

(Al-Dhāriyāt 51: 56)

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.

Umat Islam juga setiap hari membaca khasnya dalam solat fardu firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿إِنَّا لَكَ نَعْبُدُ وَإِنَّا لَكَ نَسْتَعِينُ﴾

(Al-Fātiḥah 1: 5)

“Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan”.

Umat Islam juga sering kali menyatakan ikrar semasa mendirikan solat “sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah tuhan semesta alam”. Oleh itu, tepat sekali bahawa setiap pengendalian kerja dalam hidup ini berkait terus dengan Allah S.W.T dan kepadaNya diserahkan keputusan sama ada berjaya atau gagal. Walau apa sekalipun keputusannya nanti, manusia perlu bersyukur dan seterusnya menerima tanpa putus asa dan memberontak.<sup>16</sup> Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

﴿وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَةَ كُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

﴿لَشَدِيدٌ﴾

(Ibrāhīm 14: 7)

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabKu amatlah keras”.

<sup>16</sup> Ibid., h. 99.

## **SENARIO DALAM KUMPULAN KERJA**

Kejayaan ataupun kegagalan sebuah kumpulan kerja itu banyak bergantung kepada pengurus kumpulan kerja tersebut bagaimana diarah, diurus, diselia dan dikawal tadbir. Oleh itu, seorang pengurus seharusnya mempunyai kewibawaan, kemampuan dan kebertanggungjawaban di atas amanah kerja yang diserahkan kepadanya dalam mengurus sebuah kumpulan kerja.<sup>17</sup>

Namun begitu, semakin hari semakin nyata dalam kumpulan kerja sama ada besar atau kecil, di sektor awam atau swasta, di negara maju atau mundur, terdapat satu fenomena yang sama iaitu meluasnya korupsi, pembaziran dan penipuan, tersebar luasnya sifat tamak, hasad dengki dan iri hati, inginkan sanjungan setiap masa dan benci kepada teguran, berpura-pura, hilangnya rasa jijik kepada kejahanatan, tidak jujur dan tidak amanah, kurang kreatif dan tidak ada inisiatif kerana kurang keikhlasan.<sup>18</sup>

Apa yang paling bahaya ialah lahirnya pemimpin-pemimpin dalam kumpulan kerja (dalam istilah pengurusan dipanggil pengurus) yang rendah akhlak dan pekertinya yang mana mereka tidak cekap, pengampu, penindas kawan, lawan dan pekerja bawahannya. Seluruh imaginasi hidupnya dalam kumpulan kerja hanya tertumpu untuk mengaut keuntungan yang bersifat sementara demi memenuhi segala rangsangan hawa nafsunya. Mereka ini dengan bertopengkan kelulusan akademik yang berjela-jela dan menggelarkan diri sebagai “*inteligensia*” sering kali membawa kesesatan kepada manusia kerana apa yang mereka utamakan ialah matlamat kumpulan kerja dan manusia ditundukkan kepada kehendak atau objektif kumpulan kerja tersebut. Manusia perlu berbuat apa sahaja tanpa menghiraukan soal halal atau haram. Apa yang penting ialah menjadikan kehendak atau objektif yang diformulasikan itu suatu realiti.<sup>19</sup>

Sudah menjadi suatu kelaziman dalam pentadbiran di mana-mana negara, anak-anak watan terpelajar diserahkan tugas dengan memberikan jawatan-jawatan penting sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Kepada merekalah diletakkan kepercayaan untuk mentadbir dan menguruskannya.

---

<sup>17</sup> Raja Roslan b. Raja Abd. Rahman (2008), *Peranan Komunikasi Kepimpinan Diri dan Organisasi dalam Perspektif Islam*, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, h. 4.

<sup>18</sup> Ahmad Atory Hussain (2006), *Pengurusan Sumber dalam Organisasi Awam dan Swasta*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 38.

<sup>19</sup> Ahmad Atory Hussain (2001), *Pengurusan Organisasi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 47.

Ternyata masyarakat dan negara sangat mempercayai mereka justeru mereka “orang yang bijak pandai”. Akan tetapi dari aspek praktikalitinya seperti yang terjadi hari ini, kita dapat bahawa sebenarnya orang-orang terpelajar yang telah diberi peluang memegang jawatan tinggi sebagai pengurus dan ketua dalam kumpulan kerja sanggup menjadi penyamun. Mereka tidak teragak-agak untuk mencuri wang kerajaan dan wang orang ramai.<sup>20</sup> Apa yang menambahkan kehairanan kita ialah walaupun terdapat banyak undang-undang, akta dan etika untuk mengatasi fenomena sosio ekonomi tersebut, namun kejahatan masih berleluasa.<sup>21</sup>

Mungkin kenyataan Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi dapat melenturkan kehairanan kita yang mana menurut beliau:

*“Undang-undang sahaja tidak cukup untuk membentuk sikap hidup manusia, baik dalam kehidupan perseorangan atau pergaulan. Kekuatan undang-undang itu hanya dalam hal yang nyata dan lahir, tidak sampai kepada batin (manusia) yang tersembunyi (iaitu mendidik hati nurani manusia)”.<sup>22</sup>*

Justeru, kita dapat merumuskan bahawa ada yang lebih penting lagi dari pengetahuan, teknologi, ijazah dan bumi yang kaya dengan hasil. Aspek yang penting itu ialah peradaban sesuatu bangsa itu. Kalau peradaban bangsa itu berlandaskan nilai-nilai mulia, maka perkara-perkara yang dipandang jijik oleh manusia tidak akan bermaharajalela. Peradaban ialah sikap, sifat-sifat peribadi, budi pekerti, perangai, pembawaan, watak dan sebagainya adalah antara persoalan-persoalan akhlak. Akhlak yang baik adalah ditunaskan oleh agama.<sup>23</sup>

Oleh itu, akhlak dan agama tidak boleh dipisahkan. Orang-orang yang terdidik dalam falsafah ilmu dan sistem yang terpisah dari hakikat ini, lambat laun akan teraniaya oleh sistem itu sendiri. Inilah yang berlaku sekarang.<sup>24</sup> Dalam hal kesepaduan akhlak dan agama ini, Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi menegaskan bahawa:

<sup>20</sup> Ahmad Atory Hussain (2006), *op. cit.*, h. 39.

<sup>21</sup> Mohd Tap b. Salleh (1999), “Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam”, *Jurnal Intan (Pembangunan dan Pentadbiran)*, bil. III, Julai 1999, h. 23-45.

<sup>22</sup> Idris Zakaria (2007), *Falsafah Ilmu dan Pendidikan Mesti Berlandas Agama*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 38.

<sup>23</sup> Razali Mat Zin (2002), *op. cit.*, h. 23-47.

<sup>24</sup> Idris Zakaria (2007), *op. cit.*, h. 41.

“Sesungguhnya agama dan budi pekerti adalah sesuatu yang bersatu erat. Kedua-duanya tidak boleh bercerai dan dipisahkan. Agama menjadi jiwa bagi budi pekerti dan budi pekerti pula menjadi udara bagi jiwa”.<sup>25</sup>

Dengan perkataan lain, agama memberi makanan kepada budi, menumbuhkan dan menyuburkannya iaitu seperti air yang memberi makan tanam-tanaman, menumbuhkan dan menyuburkannya. Pembinaan akhlak luhur sangat diperhatikan oleh Islam, bahkan merupakan matlamatnya seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dalam sabdanya:<sup>26</sup>

إِنَّمَا بُعْثِنُ لِأُكْمِمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ  
*Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

Justeru, Islam sangat menitikberat soal keperibadian akhlak yang dimiliki oleh seorang pemimpin atau pengurus sebuah kumpulan kerja.<sup>27</sup> Al-Farabi menyatakan bahawa seorang pemimpin yang baik adalah seorang yang berfikiran jauh, mempunyai fizikal yang sempurna, memiliki sifat mulia dan berakh�ak terpuji. Menurut Ibnu Sina, seorang pemimpin mestilah mempunyai akhlak yang mulia dan kebolehan yang melebihi daripada orang lain supaya dia boleh memimpin sebuah kumpulan dengan baik.<sup>28</sup>

Oleh itu, sejarah telah membuktikan bahawa kekuatan dan kejayaan kepimpinan Rasulullah S.A.W yang telah berupaya dalam membina empayar yang luas dan berkait rapat dengan isu-isu kehidupan dan kumpulan kerja. Rasulullah S.A.W melalui peribadi dan personaliti baginda menjadi panduan yang sangat berharga dalam kepimpinan kumpulan kerja pada masa itu dan juga pada masa akan datang.<sup>29</sup>

<sup>25</sup> Ibid., h. 42.

<sup>26</sup> Ahmad b. al-Husayn b. ‘Alī b. Mūsā al-Bayhaqī (1994), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā, Kitāb al-Shahādāt, Bāb Bayān Makārim al-Akhlāq wa Ma’ālīhā*, no. h. 20571, j. 10, Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, h. 191. Al-Albānī mengatakan hadis ini ṣahīh (Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1413H), *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, j. 1, al-Riyāḍ: Maktabat al-Ma’ārif, h. 112).

<sup>27</sup> Raja Roslan b. Raja Abd. Rahman (2008), *op. cit.*, h. 8.

<sup>28</sup> Idris Zakaria (2006), *Kepimpinan Negara: Persamaan Pemikiran al-Farabi dan Ibnu Sina*, Kuala Lumpur: Leed Publication, h. 32.

<sup>29</sup> Ismail Noor (1999), *Proper Muhammad’s Leadership: The Paragon of Excellence Altruistic Management*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 41.

## PENUTUP

Kejayaan ataupun kegagalan sebuah kumpulan kerja itu banyak bergantung kepada pengurus kumpulan kerja tersebut bagaimana diarah, diurus, diselia dan dikawal tadbir. Oleh itu, seorang pengurus seharusnya mempunyai kewibawaan, kemampuan dan kebertanggungjawaban di atas amanah kerja yang diserahkan kepadaanya dalam mengurus sebuah kumpulan kerja. Hal ini seharusnya dilakukan bagi memenuhi kehendak agama kerana pekerjaan dianggap sebahagian daripada ibadah dan mengapai keredhaan Allah S.W.T. Di samping itu, kalau kita benar-benar berhasrat untuk membina suasana pekerjaan berlandaskan konsep Islam dalam kumpulan kerja, kita tidak boleh melupakan semua aspek penting dalam pengurusan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh agama. Jika sebaliknya, maka pembinaan kumpulan kerja dalam melaksanakan sesbuah pekerjaan tidak akan berjaya untuk mencapai matlamat dan sasaran yang diinginkan. Oleh yang demikian, untuk menikmati kelestarian dan kesejahteraan hidup dalam apa jua bentuk kumpulan kerja, kita harus membebaskan diri kita dari menjadi khadam atau “*slavish mentality*” terhadap apa sahaja saranan oleh orang-orang Barat. Orang-orang yang berfikiran sempit akan mengatakan ini adalah idealistik dan khayalan semata-mata. Kenyataannya ialah bahawa kita tiada pilihan melainkan kembali kepada *Sunnat Allāh* dan *Sunnat al-Rasūl* supaya kita sedar dan kembali kepada fitrah insaniah dan bukan kepada sesuatu yang lebih ideal darinya.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Ahmad Atory Hussain (2006), *Pengurusan Sumber dalam Organisasi Awam dan Swasta*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_(2001), *Pengurusan Organisasi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Nawawi Yaakob (2000), *Penghayatan Komunikasi Islam dalam Pengurusan Kalangan Pengetua dan Komitmen Guru: Satu Tinjauan*, Tesis Sarjana, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (1413H), *Silsilah al-Āḥādīth al-Saḥīḥah*, al-Riyād: Maktabat al-Ma’ārif.

Al-Bayhaqī, Aḥmad b. al-Husayn b. ‘Alī b. Mūsā (1994), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, Makkah: Maktabah Dār al-Bāz.

*BERNAMA* (2006). 23 November.

Idris Zakaria (2007), *Falsafah Ilmu dan Pendidikan Mesti Berlandas Agama*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ (2006), *Kepimpinan Negara: Persamaan Pemikiran al-Farabi dan Ibnu Sina*, Kuala Lumpur: Leed Publication.

Ismail Noor (1999), *Prophet Muhammad’s Leadership: The Paragon of Excellence Altruistic Management*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd. Afandi Hassan (2006), “Falsafah, Prinsip dan Amalan Pengurusan Masa Kini: Ke Arah Mencari Model Alternatif”, *Jurnal Intan (Pembangunan dan Pentadbiran)*, bil. X, Ogos 2006, h. 63-87.

Mohd Tap bin Salleh (1999), “Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam”, *Jurnal Intan (Pembangunan dan Pentadbiran)*, bil. III, Julai 1999, h. 23-45.

Mustafa Hj. Daud (1994), *Pengurusan Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Noraini Ahmad (2004), *Budaya Kerja Cemerlang*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Pitirim, A. Sorokin (2004), *The Basic Trends of Our Times*, New Haven: College and University Press.

Raja Roslan b. Raja Abd. Rahman (2008), *Peranan Komunikasi Kepimpinan Diri dan Organisasi dalam Perspektif Islam*, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Razali Mat Zin (2006), *Motivasi Terhadap Pekerja Bawahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_ (2002), “Prinsip-prinsip Islam Sebagai Dasar Pembinaan Peradaban dalam Organisasi Kerja”, *Prosiding Kursus Ekonomi Islam: Asas, Falsafah dan Aplikasi, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam: Universiti Utara Malaysia*, Jun 2002, h. 23-47.

Wan Izuddin Wan Sulaiman (2007), *Falsafah dan Etika Kerja Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.